

# Keterbukaan kerajaan terima teguran perkasa tadbir urus negara

BH - 19/11/2023 m/s: 11



Timbalan Ketua Panel Pemikir Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW)

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed  
bhrencana@bh.com.my

**Mesej** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kali ini sangat jelas, penjawat awam diberi 'lampu hijau' untuk menegur sebarang keputusan dibuat menteri termasuk Perdana Menteri, jika ia didapati melanggar peraturan.

Justeru, seluruh warga perkhidmatan awam perlu melihat prinsip keterbukaan kerajaan ini sebagai peluang terbaik untuk memperbaiki kelemahan yang ada sekaligus memperkasa sistem pentadbiran dan tadbir urus kerajaan secara keseluruhannya.

Sejak dilantik sebagai Perdana Menteri, sudah banyak kali Anwar memberi penekanan terhadap keperluan memperbaiki tatakelola dan tadbir urus kerajaan dengan tidak berkompromi terhadap sebarang salah laku, rasuah mahupun penyelewengan.

Hakikatnya penjawat awam sebelum ini sering tersepit di antara arahan menteri atau pegawai atasan dengan keperluan untuk mematuhi serta menguatkuasakan peraturan.

Jaminan dizahirkan Perdana Menteri harus dijadikan peluang untuk penjawat awam memulihkan situasi dan memainkan peranan lebih signifikan menangani segala jenis keterlanjuran dalam perkhidmatan awam berlaku akibat arahan dan salah guna kuasa pihak tertentu.

Dalam konteks ini penjawat awam perlu bertindak bijak dan berhemah ketika memberikan teguran kepada menteri atau pegawai atasan supaya mereka sedar pelanggaran peraturan perkhidmatan.

Langkah paling selamat dan tepat ialah teguran dibuat bersandarkan kepada peraturan serta implikasi perlu ditanggung semua pihak terbabit jika berlaku pelanggaran peraturan. Di sini pentingnya pandangan, teguran atau pendapat diberikan fokus kepada usaha untuk memperkemas tatakelola dan tadbir urus jabatan.

Sebagai penjawat awam, setiap individu perlu memahami dan menguatkuasakan peraturan ditetapkan pihak berkuasa. Penjawat awam perlu menjadi pakar rujuk untuk memberi nasihat betul kepada menteri supaya mereka tidak tergelincir ketika membuat keputusan terutama dalam soal pengurusan kewangan.

Seperti diketahui, perkhidmatan awam mengandungi pelbagai pekeliling dan garis panduan bagaimana hendak melaksanakan setiap urusan pentadbiran, termasuk Arahan Perbendaharaan dari Kementerian Kewangan yang mengawal selia urusan kewangan negara.

Justeru, apa yang diperlukan ialah, di samping penjawat awam memainkan peranan mereka, menteri pula perlu yakin dan percaya dengan kemampuan serta kebolehan penjawat awam menjalankan tugas mereka.

Dalam hal ini, apa yang diharap penjawat awam ialah kerajaan boleh memberi jaminan tiada sebarang tindakan dikenakan terhadap pekerja yang berani menegur kesilapan dilakukan pegawai atasan termasuk menteri.

Hal ini penting kerana ramai khuatir akan me-

nerima hukuman seperti ditukarkan ke jabatan lain atau disekat peluang kenaikan pangkat hanya kerana bersikap jujur dan cuba menguatkuasakan peraturan yang ada.

Selain itu, penjawat awam juga perlu berani tampil memberi maklumat berhubung salah laku dan rasuah di jabatan masing-masing kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Hakikatnya, penjawat awam akan dilindungi mengikut Akta SPRM 2009 dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, di samping kerajaan sendiri bersetuju memberikan ganjaran sebagai pengiktirafan kepada mana-mana penjawat awam melaporkan pemberian atau penerimaan rasuah.

Jaminan Perdana Menteri ini harus dijadikan pedoman kepada penjawat awam untuk menolak sebarang ketidakpatuhan dan arahan membelakangkan peraturan dikeluarkan kerajaan.

Diharap keterbukaan kerajaan menerima nasihat, pandangan dan teguran daripada penjawat awam dapat memperkasa tatakelola dan tadbir urus pentadbiran kerajaan terutama dalam soal mengawal serta mencegah segala jenis kebocoran atau ketirisan wang negara.



Penjawat awam perlu berani tampil memberi maklumat berhubung salah laku dan rasuah.

(Foto hiasan)